

Syarikat Gas Oman Beli Aset, Perniagaan LPG Shell Di Malaysia Barat
Bernama
8 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- National Gas Company SAOG (NGC), Oman Khamis menandatangani surat hasrat (LOI) dengan Shell Malaysia Trading Sdn Bhd (Shell) untuk membeli aset dan perniagaan gas petroleum cecair (LPG) Shell di Malaysia Barat.

NGC, satu daripada syarikat LPG terbesar di Timur Tengah, berkata kemasukannya ke Malaysia dilakukan melalui satu perkongsian dengan Wan Zulkifle Wan Yusoff, seorang ahli profesional kanan industri LPG.

Dalam satu kenyataan di sini Khamis, Ketua Pegawai Eksekutif NGC, Goutam Sen, berkata operasi LPG adalah pelaburan perniagaan strategik yang sangat baik bagi syarikat itu, khususnya memandangkan keuntungan dan asas pelanggan sedia adanya yang kukuh, serta tahap operasi Shell yang berkualiti tinggi.

"Kami menjangka pembelian ini memberikan sumbangan besar kepada keuntungan tergabung NGC dalam tahun-tahun akan datang.

"Di samping itu, penceburan dalam pasaran Malaysia adalah sejajar dengan rancangan kami untuk memberikan tumpuan kepada pertumbuhan tinggi pasaran LPG di Asia Tenggara," katanya.

Susulan penandatanganan LOI itu, kata NGC, perjanjian jual beli dan perjanjian-perjanjian sampingan dijangka ditandatangani dalam jangka terdekat ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650829>